## SOALAN LAZIM(FAQ) BAGI MOD e-CENSUS

## BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

| BIL. | BM | BI |
|---|---|---|
| 1. | **Apa itu mod e-Census?**<br><br>Kaedah e-Census adalah pengisian soal selidik secara atas talian oleh responden melalui pautan https://ecensus.mycensus.gov.my atau melalui Portal Banci dan Stats Geoportal www.mycensus.gov.my | **What is e-Census mode?**<br><br>The e-Census mode is a completion of online surveys by respondents through the link https://ecensus.mycensus.gov.my or through Census Portal and Stats Geoportal www.mycensus.gov.my |
| 2 | **Mengapa menggunakan e-Census?**<br><br>Disebabkan penularan wabak COVID-19, pembancian akan dijalankan menggunakan mod pembancian e-Census. Di mana mod pembancian ini tidak memerlukan proses bancian secara bersemuka dan hanya perlu menjawab soal selidik secara atas talian sahaja. | **Why use e-Census?**<br><br>Due to the spread of the COVID-19 outbreak, surveys will be conducted using e-Census censorship mode. Where this censorship mode does not require face-to-face censorship and only needs to answer the questionnaire online. |
| 3 | **Bagaimana untuk melayari e-Census?**<br><br>e-Census boleh dilayari melalui melalui pautan https://ecensus.mycensus.gov.my atau melalui Portal Banci dan Stats Geoportal www.mycensus.gov.my | **How to browse the e-Census?**<br><br>e-Census can be accessed through the link https://ecensus.mycensus.gov.my or through Census Portal and Stats Geoportal www.mycensus.gov.my |
| 4 | **Adakah saya perlu menjawab Banci 2020 secara atas talian?**<br><br>Anda boleh memilih untuk menjawab soalan Banci 2020 secara atas talian atau menggunakan borang. Melalui atas talian ini, Banci 2020 akan menjadi lebih mudah, selamat, dan pantas untuk diselesaikan. | **Will I have to answer the 2020 Census online?**<br><br>The respondent can choose either to response via online or paper based. The online e-Census will be easy, secure, and fast to be completed. |
| 5 | **Adakah maklumat yang saya bekalkan selamat?**<br><br>• Seksyen 19 di bawah Akta Banci 1960 (Disemak -1969) memperuntukkan mana-mana maklumat individu tidak boleh | **Will the information that I provided be safe and secured?**<br><br>• Section 19 under the Census Act of 1960 (Revised-1969) states that any individual information may not be disclosed. |

| BIL. | BM | BI |
|---|---|---|
| | didedahkan.<br>• Hanya data berbentuk agregat sahaja akan diterbitkan.<br><br>• Pastikan pembanci yang mengumpul maklumat adalah pemegang kad pengenalan pembanci. | • Only aggregate data will be published.<br><br>• Ensure that the enumerators own the official identity card for enumerators. |
| **6.** | **Kenapa rumah saya terpilih untuk mengisi secara e-Census?**<br><br>Seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini, pihak kerajaan berhasrat untuk menggunakan platform atas talian seluas mungkin dalam pengumpulan maklumat. Anda akan menerima poskad sekiranya rumah anda terpilih dalam menjawab e-Census. | **Why was my house chosen to fill out an e-Census?**<br><br>In line with today's technological advances, the government intends to use the widest possible online platform for information collection. You will receive a postcard if your home is selected in response to the e-Census. |
| **7.** | **Kenapa saya tidak boleh log masuk e-Census? Apakah tindakan saya selanjutnya?**<br><br>Anda mungkin memasukkan alamat e-mel atau *One-Time Password* (OTP) yang tidak tepat. Sila masukkan alamat e-mel yang didaftar dan OTP yang diterima. | **Why I cannot log in to e-Census? What is my next action?**<br><br>You may have entered an incorrect email address or One-Time Password (OTP). Please enter the registered email address and OTP received. |
| **8.** | **Apa itu OTP?**<br><br>*One-Time Password* (OTP**)** juga dikenali sebagai *one-time pin,* adalah kata laluan yang digunakan untuk satu sesi log masuk atau transaksi pada sistem komputer atau peranti digital lain. | **What is OTP?**<br><br>A One-Time Password (OTP), also known as one-time pin, is a password that is valid for only one login session or transaction, on a computer system or other digital device. |
| **9.** | **Bagaimana saya hendak mendapatkan OTP?**<br><br>Anda akan menerima OTP selepas mendaftar email anda di Log Masuk. Semak peti masuk e-mel anda untuk mendapatkan OTP ini. | **How do I get the OTP?**<br><br>You will receive the OTP after registering your email at Log In. Check your email inbox for this OTP. |
| **10.** | **Kenapa saya tidak menerima e-mel (OTP)?**<br><br>Anda mungkin memasukkan alamat e-mel yang tidak tepat. Sila masukkan alamat e-mel | **Why I do not receive email (OTP)?**<br><br>You may have entered an incorrect email address. Please enter the registered email |

| BIL. | BM | BI |
| --- | --- | --- |
| | yang didaftarkan. Jika masih tidak menerima emel tersebut, sila hubungi Call Centre di talian nombor 1-800-88-7720 untuk bantuan selanjutnya. | address. If the email is not yet received, please call Call Center at 1-800-88-7720 for further assistance. |
| 11. | **Saya tidak menerima poskad e-Census tetapi saya berminat untuk menjawab soal selidik Banci 2020 menggunakan kaedah e-Census, bagaimana caranya?**<br><br>Anda boleh membuat pra pendaftaran melalui pautan https://ecensus.mycensus.gov.my atau melalui Portal Banci dan Stats Geoportal www.mycensus.gov.my | **I do not receive the e-Census postcard, but I am interested in answering the Census 2020 questionnaire using the e-Census method, how do I do it?**<br><br>You can pre-registration via the link https://ecensus.mycensus.gov.my or through the Census Portal and Stats Geoportal www.mycensus.gov.my |
| 12. | **Apa itu kod jemputan?**<br><br>Kod jemputan adalah kod yang mewakili tempat kediaman anda. | **What is invitation code?**<br><br>An invitation code is one that represents your Living Quarters. |
| 13. | **Bagaimana saya hendak mendapatkan Kod Jemputan?**<br><br>Bagi responden yang menerima poskad, kod jemputan tertera di poskad tersebut.<br><br>Sekiranya tidak menerima poskad, responden akan menerima kod jemputan melalui emel yang didaftarkan selepas membuat pra pendaftaran e-Census. | **How do I get an Invitation Code?**<br><br>For respondents receiving a postcard, the invitation code is printed on the postcard.<br><br>If they do not receive the postcard, the respondent will receive the invitation code via registered email after pre-register e-Census. |
| 14. | **Saya tidak menerima e-mel pengesahan selepas menghantar pra pendaftaran. Apakah langkah seterusnya?**<br><br>Jika anda masih belum menerima emel pengesahan selepas pra-pendaftaran, sila semak junk mail atau folder spam anda, kerana emel tersebut mungkin ditapis ke sana secara automatik oleh pembekal perkhidmatan emel anda. Jika anda menggunakan Gmail, semak juga di bahagian Sosial dan Promosi. Jika anda menggunakan Hotmail atau Live, sesetengah akaun Hotmail atau Live mungkin tidak dapat menerima emel | **I did not receive a confirmation email after submit the pre-registration. What is the next step?**<br><br>If you do not receive the confirmation email after pre-registration, please check your junk mail or spam folder, the email may have ended up there if your email service provider automatically filters this sort of email. If you are using Gmail, check your Social and Promotions tabs too. If you are using Hotmail or Live, unfortunately, some Hotmail or Live accounts may not be able to receive the verification email due to a known technical |

| BIL. | BM | BI |
|---|---|---|
| | pengesahan tesebut disebabkan masalah teknikal oleh pembekal perkhidmatan emel. Jika anda memerlukan bantuan teknikal, sila hubungi kami. | issue between email service providers. If you need technical assistance, please let us know. |
| 15. | **Bolehkah saya menjawab separuh atau beberapa soalan dahulu dan meneruskan pada hari lain?**<br><br>Boleh, tetapi anda perlu Log masuk menggunakan kod jemputan yang sama. | **Can I answer half or a few questions in advance and continue the other day?**<br><br>Yes, but you need to sign in again using the same invitation code. |
| 16. | **Kenapa data yang saya isi hilang? Perlukah kita isi semula?**<br><br>Kemungkinan berlaku masalah sistem e-Census semasa tempoh pengisian tersebut, pengisian semula perlu dilakukan. | **Why my data are missing? Do I need to refill again?**<br><br>There may be problems with the e-Census system during the filling period, refills need to be performed. |
| 17. | **Adakah data saya diisimpan secara automatik walaupun saya belum menghantarnya?**<br><br>Ya. Laman web e-Census menyediakan ciri penyimpanan data secara automatik semasa pengisian jawapan. | **Is my data auto-saving even if I have not sent it?**<br><br>Yes. The e-Census website automatically provides auto-saving features during response filling. |
| 18. | **Adakah setiap ahli isi rumah perlu mengisi e-Census?**<br><br>Hitung semua orang yang tinggal bersama anda. Sekiranya anda mengisi e-Census untuk tempat kediaman anda, anda harus menghitung semua orang yang tinggal bersama pada 7 Julai 2020. Ini termasuk sesiapa sahaja yang bersaudara dan/atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup lain. | **Does everyone in a household need to fill out the e-Census?**<br><br>Count everyone living with you. If you are filling out the e-Census for your home, you should count everyone who is living there as of July 7, 2020. This includes anyone related and/ or unrelated persons who usually live together and make common provisions for food and other essentials for living. |
| 19. | **Kenapa bilangan soalan terlalu banyak? Perlukah saya menjawab semua soalan?** | **Why are there so many questions? Do I have to answer all the questions?** |

| BIL. | BM | BI |
|---|---|---|
| | Soalan banci perlu dijawab semua.<br><br>Objektif banci adalah sebagai input perancangan Pembangunan negara termasuk pengagihan per kapita seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. | All census questions need to be answered.<br><br>The objective of the census is to be an input to the development plan of the country including the per capita distribution as enshrined in the Constitution. |
| **20.** | **Bilakah tempoh untuk pengisian e-Census?**<br><br>Bermula 7 Julai hingga 30 September 2020. | **When is the e-Census filing deadline?**<br><br>Starts July 7th until 30th September 2020. |
| **21.** | **Apa yang berlaku sekiranya saya terlepas tempoh pengisian e-Census?**<br><br>Sekiranya anda tidak mengisi e-Census pada tempoh yang diberikan, pembanci akan melawat rumah anda untuk menemuramah secara bersemuka menggunakan tablet/ telefon pintar atau borang soal selidik pada 7 Oktober 2020. | **What happens if I miss the e-Census deadline?**<br><br>If you do not fill out the e-Census within the given period, the census enumerator will visit your home for face-to-face interview using a tablet/ smartphone or questionnaire form on October 7, 2020. |
| **22.** | **Saya telah selesai menjawab dan menghantar e-Census tetapi ada maklumat yang ingin dikemaskini, bagaimana untuk saya memberikan maklumat tersebut?**<br><br>Anda boleh menghubungi Call Centre di talian nombor 1-800-88-7720 untuk membantu anda. | **I have finished answering and sending e-Census but there is information to update, how do I provide that information?**<br><br>You can call Call Center at number 1-800-88-7720, they will assist you. |